

Serah Terima Tugas MALCON

Oleh: Meji Johari Ismail

KAWKABA: Kontinjen Malaysia (MALCON) East 4 yang diterajui oleh Kol Hashim Aman Shah dengan rasminya mengambil alih tugas Kontinjen Malaysia di Lubnan daripada MALCON EAST 3 yang diterajui oleh Kol Mohd Ezam Wan Chik.

Majlis Serah Terima Tugas (*Transfer of Authority*) tersebut telah berlangsung di Kem MALCON Kawkaba, Hasbainya, Selatan Lubnan pada 28 Apr 09. Kedua-dua Komander berkenaan menyempurnakan majlis tersebut dengan menandatangani nota serah terima tugas.

MALCON East 4 yang terdiri daripada 41 pegawai dan 319 anggota LLP akan berkhidmat di



KONTINJEN MALAYSIA...Penyerahan Bendera Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu oleh Komander MALCON

Lubnan selama sembilan bulan. Kumpulan pendahuluhan MALCON

East 4 yang terdiri daripada 160 anggota telahpun berada di

kawasan operasi sejak 22 Apr 2009 yang lalu dan mengambil alih tugas daripada MALCON East 3 secara berperingkat-peringkat. MALCON East 4 beroperasi sepenuhnya apabila kumpulan induk yang berkekuatan seramai 199 orang telah tiba di Kawkaba pada 1 Mei 09. Sewaktu sidang akhbar dengan media tempatan di majlis tersebut, Kol Hashim Aman Shah memberi jaminan bahawa beliau akan meneruskan hubungan yang baik dengan pihak berkuasa tempatan dan penduduk setempat sepertimana yang telah dilakukan oleh Kontinjen-kontinjen Malaysia sebelum ini.

Ini penting bagi mengekalkan kecemerlangan dan nama baik MALCON dalam Misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



TAHNIAH...Pegawai Memerintah 6 RRD dengan rasminya memakaikan *hackle* kepada 20 perajurit muda yang tamat menjalani Latihan Lanjutan di pasukan. Dalam kursus lanjutan, mereka didedahkan dengan pelbagai latihan dalam dan luar kem. Sementara itu juga, mereka didedahkan dengan Operasi Peperangan Melawan Insurgensi iaitu semasa pasukan melaksanakan Ops Bamboo Siri 2/09 di Hutan Simpan Taman Negara, negeri Pahang. Sebelum upacara pemakaian *hackle* tersebut Perajurit Muda mengadakan acara merempuh halangan yang mana pemakaian "*hackle*" dibuat kepada penuntut yang sampai di garisan penamat

SERAH TERIMA TUGAS...Pengarah Artileri, Kol Mohd Rawa Hj Seman menyerahkan tugasnya kepada Kol Mohd Rais Ali pada 19 Mei 2009 di pejabatnya turut disaksikan Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Datuk Zulkefli Mohd Zin. Kol Mohd Rawa Hj Seman akan bertukar keluar ke Markas 3 Div dengan menjawat jawatan sebagai Ketua Staf manakala Pengarah Artileri yang baru sebelum ini memegang jawatan Ketua Tim Projek Artileri.



MEMPERKASAKAN ILMU...12 Pegawai JLJ Briged dari pelbagai pasukan menghadiri kursus pegawai JLJ Bgd di Dewan Perkasa, IJED anjuran Jabatan Arah JLJ. Kursus yang bermula 3 hingga 24 April 2009 bertujuan memperkasakan pegawai-pegawai muda KJLJD dengan ilmu-ilmu berkaitan pengurusan logistik JLJ, pembangunan keyakinan diri dan pengetahuan berkenaan tugas dan tanggungjawab sebagai PJLJB. Pada 24 April 2009, majlis penutup kursus disempurnakan oleh Pegawai Staf 1 G/A, Lt Kol Mohd Razak Hj Kamari. Diharapkan agar ilmu yang ditimba selama tiga minggu ini akan diaplikasikan oleh semua peserta kursus di masa akan datang. — Kpl Jamaludin Musa